

Kakitangan Felcra Berhad Wilayah Pahang bersara, bertukar disantuni

- Oleh HARIS FADILAH AHMAD
- 1 Januari 2024, 7:47 am



HUZAIFAH ABD NASIR (tiga dari kanan) bersama kakitangan Felcra Berhad Pahang yang bersara di Majlis Jasamu Dikenang, Sanjungan Budi Lambaian Kasih di Banquet Hotel Cathayana, Kuantan baru-baru ini. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

SERAMAI Iapan kakitangan Felcra Berhad Wilayah Pahang yang bersara disantuni dalam Majlis Jasamu Dikenang, Sanjungan Budi Lambaian Kasih di Banquet Hotel Cathayana, Kuantan baru-baru ini.

Pengurus Besar Felcra Berhad Pahang, Huzaifah Abd Nasir berkata, majlis itu bertujuan menghargai jasa pesara berkenaan dan sudah mencapai tempoh akhir

perkhidmatan mereka di samping meraikan beberapa kakitangan yang bertukar ke cawangan agensi tempat lain.

“Majlis sempena Hari Karnival Felcra Berhad Wilayah Pahang ini cukup signifikan kerana dapat mengeratkan ukhuwah antara pegawai dan kakitangan Felcra Berhad serta berkesempatan beramah mesra, sekali gus mencetuskan semula nostalgia pesara berkenaan semasa dalam perkhidmatan sebelum ini,” katanya di Kuantan, Pahang baru-baru ini.- UTUSAN